



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2013

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU OPERASI DAN PEMBANTU AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggabungan skim perkhidmatan berikut:
 - (a) Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu dan Penyelia Jeti kepada skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Operasi; dan
 - (b) Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas kepada skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Awam.

LATAR BELAKANG

2. Dalam usaha untuk menggembeng modal insan berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan hala tuju ke arah negara berpendapatan tinggi, kerajaan telah bersetuju supaya kelayakan masuk minimum ke Perkhidmatan Awam ditetapkan pada kelayakan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Di samping itu, mengambil kira

keperluan untuk mengurangkan peringkat hierarki yang kurang perlu bagi mengatasi masalah organisasi seperti pertindihan tugas dan kesukaran dalam menentukan gred jawatan, fungsi skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu, Penyelia Jeti, Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas dimantapkan melalui penggabungan skim perkhidmatan tersebut di bawah skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Operasi dan Pembantu Awam.

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU OPERASI

3. Skim perkhidmatan Pembantu Operasi diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji N11, N14;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
 - (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- (d) diperuntukkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17, Operator Wayarles Gred N17, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 atau Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU AWAM

4. Skim perkhidmatan Pembantu Awam diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji H11, H14;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
 - (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(**Syarat tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia);
 - (ii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) diperuntukkan PSL ke skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

5. Berikutan penggabungan skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu dan Penyelia Jeti, perbekalan PSL dalam skim perkhidmatan Operator Wayarles Gred N17 dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 turut dipinda.

6. Skim perkhidmatan Pembantu Operasi, Pembantu Awam, Operator Wayarles dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang baharu adalah seperti di **Lampiran A, A1, A2 dan A3**, format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**, Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) adalah seperti di **Lampiran C dan C1** dan penghuraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D dan D1**.

KETUA PERKHIDMATAN

7. Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam ialah Ketua Jabatan masing-masing.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

8. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Skim Perkhidmatan Pembantu Am Pejabat

9. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi yang baharu seperti berikut:

- (a) Pembantu Am Pejabat Gred N1 dan N4 yang memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11; atau
- (b) Pembantu Am Pejabat Gred N1 dan N4 yang tidak memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap sembilan (9) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11.

Skim Perkhidmatan Pembantu Kamera/Pemandu

10. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Kamera/Pemandu sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi yang baharu seperti berikut:

- (a) Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 yang memiliki kelayakan tamat Tingkatan 3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11; atau
- (b) Pembantu Kamera/Pemandu Gred N12 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11 dengan gaji secara KUP atas Gred N12.

Skim Perkhidmatan Penyelia Jeti

11. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penyelia Jeti sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi yang baharu seperti berikut:

- (a) Penyelia Jeti Gred N3 yang tamat memiliki kelayakan tamat Tingkatan 3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11; atau

- (b) Penyelia Jeti Gred N12 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11 dengan gaji secara KUP atas Gred N12.

Skim Perkhidmatan Penyelamat

12. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penyelamat sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam yang baharu seperti berikut:

- (a) Penyelamat Gred N1 yang memiliki kelayakan tamat Tingkatan 3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam Gred H11; atau
- (b) Penyelamat Gred N12 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam Gred H11 dengan gaji secara KUP atas Gred H12.

Skim Perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas

13. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam yang baharu seperti berikut:

- (a) Pekerja Awam Gred R1 dan R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 dan R6 yang memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam Gred H11; atau
- (b) Pekerja Awam Gred R1 dan R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 dan R6 yang tidak memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap sembilan (9) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Awam Gred H11.

14. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

15. Pembantu Am Pejabat Gred N1 dan N4, Pekerja Awam Gred R1 dan R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 dan R6 yang **belum memenuhi syarat** pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Gaji pegawai hanya akan diselaraskan ke gaji baharu dalam skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11 atau Pembantu Awam Gred H11 sehari selepas memenuhi syarat seperti ditetapkan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasan ini direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

16. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu, Penyelia Jeti, Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

17. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

18. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu, Penyelia Jeti, Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

19. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

20. Pegawai yang menolak opsiyen atau tidak membuat sebarang opsiyen atau gagal mengembalikan borang opsiyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsiyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah diumumkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

21. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsiyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsiyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

22. Tawaran opsiyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

23. Tawaran opsiyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsiyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan

- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.
24. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.
25. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 23, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
26. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu dan Penyelia Jeti sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 dan Penyelia Jeti Gred N3 seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Am Pejabat Gred N4, Pembantu Kamera/Pemandu Gred N12 dan Penyelia Jeti Gred N12 seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

(b) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Am Pejabat Gred N1 seperti di **Lampiran G, G1 dan G2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Am Pejabat Gred N4 seperti di **Lampiran H, H1 dan H2**.

27. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penyelamat Gred N1, Pekerja Awam Gred R1 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 seperti di **Lampiran J, J1 dan J2**;
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pekerja Awam Gred R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R6 seperti di **Lampiran K, K1 dan K2**; dan
- (iii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penyelamat Gred N12 seperti di **Lampiran L, L1 dan L2**.

(b) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pekerja Awam Gred R1 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 seperti di **Lampiran M, M1 dan M2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pekerja Awam Gred R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R6 seperti di **Lampiran N, N1 dan N2**.

28. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi

29. Pembantu Am Pejabat Gred N1, Penyelia Jeti Gred N3 dan Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 serta Penyelamat Gred N1, Pekerja Awam Gred R1 dan Pekerja Awam Khas Gred R3 yang memenuhi syarat untuk ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Pembantu Operasi Gred N11 dan Pembantu Awam Gred H11 layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

30. Pegawai yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11 atau Pembantu Awam Gred H11 tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

31. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

32. Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pekerja Rendah Awam Gred R1 dan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3 yang **belum memenuhi syarat** tempoh genap sembilan (9) tahun perkhidmatan untuk ditukar lantik serta memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal termasuk tempoh sembilan (9) tahun perkhidmatan yang perlu dipenuhi bagi tujuan tukar lantik.

33. Sekiranya pegawai di perenggan 31 dan 32 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

34. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran P**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;

- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

35. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

36. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

37. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran Q**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

38. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

39. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

TARIKH KUAT KUASA

40. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

41. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Pembantu Kamera/Pemandu, Penyelia Jeti, Penyelamat, Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas dalam semua pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran berkaitan adalah dibatalkan, kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pembantu Kamera/Pemandu di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2007;
- (c) skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Penyelamat dan Penyelia Jeti di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009;
- (d) skim perkhidmatan Operator Wayarles di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2006 dan Pekeliling Perkhidmatan

Bilangan 15 Tahun 2009; dan

- (e) skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009.

PEMAKAIAN

42. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU OPERASI**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GREED JAWATAN/GAJI	:	N11, N14
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM847.99); atau (d) (ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM894.14).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N14**

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEMBANTU KEMAHIRAN
GRED H17, OPERATOR
WAYARLES GRED N17,
PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/ OPERASI)
GRED N17ATAU PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
10. Pembantu Operasi Gred N11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Operasi Gred N14 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
11. Pembantu Operasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17, Operator Wayarles Gred N17, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 atau Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Kamera/Pemandu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat dan Penyelia Jeti yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU AWAM**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GREED JAWATAN/GAJI	:	H11, H14
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM850.00). (Syarat Tambahan: Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H14**

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEMANDU LOKOMOTIF
GRED A13, PEMBANTU
KEMAHIRAN GRED H17 ATAU
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK
GRED J17**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
10. Pembantu Awam Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H14 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
11. Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pekerja Awam dan Pekerja Awam Khas yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2007).

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penyelamat yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR WAYARLES**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	: N17, N22, N26
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM928.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	<ol style="list-style-type: none">2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Operator Wayarles Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none">(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none">(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<ol style="list-style-type: none">4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	<ol style="list-style-type: none">5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	<ol style="list-style-type: none">6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N22**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N26**

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENGHULU GRED NP27**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Operator Wayarles Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Wayarles Gred N22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Operator Wayarles Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Wayarles Gred N26 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Operator Wayarles yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penghulu NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Operator Wayarles yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2006) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	N17, N22, N26
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N17: RM928.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan (b) had umur pelantikan: (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N22**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N26**

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
GRED N27 ATAU PENGHULU
GRED NP27**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 atau Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN C**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 NOVEMBER 2013****(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GREJ GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305HA26000	H26	2,505.00	4,788.00	125.00
SSM305HA22000	H22	2,184.00	4,265.00	115.00
SSM305HA17000	H17	953.00	3,490.00	95.00
SSM305HA16000	H16	1,598.00	3,236.00	95.00
SSM305HA14000	H14	1,576.00	3,041.00	90.00
SSM305HA11000	H11	837.00	2,619.00	80.00

LAMPIRAN C1**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 NOVEMBER 2013****(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305NA36000	N36	3,392.00	6,786.00	180.00
SSM305NA32000	N32	2,727.00	5,634.00	155.00
SSM305NA28000	N28	1,362.00	5,090.00	145.00
SSM305NA27000	N27	1,362.00	5,090.00	145.00
SSM305NA26000	N26	2,483.00	4,749.00	125.00
SSM305NA22000	N22	2,165.00	4,233.00	115.00
SSM305NA20000	N20	1,131.00	3,580.00	100.00
SSM305NA19000	N19	1,131.00	3,580.00	100.00
SSM305NA17000	N17	928.00	3,375.00	95.00
SSM305NA14000	N14	1,572.00	3,037.00	90.00
SSM305NA11000	N11	802.00	2,663.00	80.00

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PEMBANTU OPERASI**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Operasi Gred N11, N14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

- (a) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan
- (b) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
- (c) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat/jeti [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)].

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek tugas-tugas operasi am, penyampaian surat/dokumen/saman/notis dan pemanduan kenderaan

- (a) Melaksanakan tugas penyampaian atau kutipan surat/dokumen/saman/notis dengan sempurna, cekap dan berkesan.
- (b) Membantu membuat salinan pendua dan penjilidan dokumen.
- (c) Mengangkat, menyusun dan mengemas barang-barang atau peralatan bekalan daripada stor pejabat.
- (d) Mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat sebelum dan selepas mesyuarat serta memastikan peralatan di bilik mesyuarat disenggarakan dengan baik.
- (e) Membantu membawa peralatan penggambaran dan memastikan keselamatan peralatan berkenaan.
- (f) Memastikan kebersihan dan kekemasan pejabat sepanjang masa.
- (g) Membantu melaksanakan tugas-tugas di makmal sekolah.
- (h) Melaksanakan tugas pemanduan kenderaan pada bila-bila masa apabila diarahkan oleh ketua jabatan.

4.2 Aspek tugas-tugas operasi am di jeti [hanya di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)]

- (a) Menguruskan hal ehwal di jeti pendaratan LKIM termasuk aktiviti menjahit pukut, meletak pukut dan peralatan serta mengawal penggunaan air, elektrik dan tempat jahit pukut di jeti.
- (b) Mengawal bot-bot yang mendarat/menghimpit/beredar di jeti serta mengutip caj tambatan yang dikenakan.
- (c) Mengumpul, merekod serta menyimpan maklumat berkaitan pendaratan bot dan ikan, kemasukan ikan dari luar kompleks serta aktiviti-aktiviti lain yang berlaku di jeti.
- (d) Memastikan peti-peti ikan disenggara dengan baik, disusun dan disimpan dengan kemas di tempat yang sepatutnya.
- (e) Memastikan kebersihan dan kekemasan persekitaran jeti.

5. HUBUNGAN KERJA

- (a) Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama.
- (b) Pegawai atasan.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- (a) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (b) Berkebolehan mengurus masa.
- (c) Berkebolehan membuat catatan dan merekod dengan berkesan.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Jujur dan dedikasi dalam menjalankan tugas.
- (d) Kompeten dan teliti.
- (e) Fizikal yang sihat dan cergas.

9. ANCAMAN/BAHAYA

Terdedah kepada kemalangan kecil semasa menjalankan tugas.

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PEMBANTU AWAM**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Awam Gred H11, H14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

- (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- (b) Menjalankan tugas penyelamat (lifeguard) di kawasan kolam renang.
- (c) Menjalankan tugas pemanduan enjin sangkut/motobot.
- (d) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek tugas am bersifat *hands-on* serta sokongan teknikal dan pembaikan kerosakan kecil

- (a) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas persiapan dan logistik sebelum dan selepas majlis rasmi atau mesyuarat seperti alat siaraya dan kerusi/meja.
- (b) Membersih dewan/bangunan/bilik-bilik mesyuarat berkaitan.
- (c) Menyedia dan mengangkut peralatan/barang-barang ke tapak kerja.
- (d) Membersihkan tapak kerja serta mengangkut sampah sarap dari tapak kerja selepas selesai tugas.
- (e) Melaksanakan lain-lain tugas macam seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap serta keceriaan kawasan.
- (f) Memastikan peralatan/ruang kerja yang berada di bawah pengawasan sentiasa berada dalam keadaan bersih, teratur, selamat serta dapat beroperasi dengan baik untuk digunakan pada bila-bila masa.
- (g) Menjalankan pemeriksaan harian/berkala ke atas peralatan/ruang kerja yang berada di bawah pengawasan.
- (h) Menerima dan merekod aduan kerosakan dari pelanggan.

- (i) Membantu menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan membaik pulih kerosakan kecil.
- (j) Membantu kerja-kerja sokongan teknikal berkaitan elektrik dan elektronik, penanaman pokok, penyemaian benih, akuakultur dan lain-lain yang berkaitan.
- (k) Tugasan *hands-on* lain terutamanya yang dijalankan di luar kawasan pejabat.

4.2 Aspek tugas menyelamatkan di kolam renang awam

- (a) Menjalankan tugas penyelamat (lifeguard) di kawasan kolam renang awam.
- (b) Bertanggungjawab ke atas keselamatan semua pengguna kolam renang awam.
- (c) Memasukkan bahan kimia ke dalam kolam bagi memelihara dan memastikan mutu air kolam berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.
- (d) Memastikan kebersihan kawasan kolam renang dan kadar pH air kolam renang selamat digunakan.
- (e) Memastikan semua peralatan kolam seperti peralatan menyelamatkan dan motor pam berada di dalam keadaan selamat untuk digunakan.

4.3 Aspek pemanduan motobot/enjin sangkut

- (a) Melibatkan tugas pemanduan dan pengendalian motobot/enjin sangkut di kawasan perairan tempatan termasuk sungai dan tasik.
- (b) Memastikan bot dan peralatannya berada dalam keadaan bersih dan selamat digunakan.
- (c) Memastikan keselamatan penumpang, aset kerajaan, keselamatan pelayaran serta mencegah pencemaran laut/perairan semasa pengendalian motobot/enjin sangkut.
- (d) Memastikan motobot/enjin sangkut disenggara mengikut jadual.

5. HUBUNGAN KERJA

- (a) Rakan sekerja di bahagian/unit cawangan yang sama
- (b) Pegawai atasan
- (c) Orang awam

6. PERSEKITARAN KERJA

Kawasan dalam serta luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- (a) Berkebolehan menggunakan sumber dengan baik.
- (b) Berkebolehan mengendalikan peralatan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan kecil.
- (c) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (d) Berkebolehan mengurus masa.
- (e) Kemahiran berenang.
- (f) Kemahiran pertolongan cemas.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Bekerjasama.
- (d) Kompeten dan teliti.
- (e) Fizikal yang sihat dan cergas.

9. ANCAMAN/BAHAYA

Terdedah kepada kemalangan kecil semasa menjalankan tugas.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(PEMBANTU AM PEJABAT GRED N1, PEMBANTU KAMERA/PEMANDU
GRED N3 DAN PENYELIA JETI GRED N3)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN
PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU AM PEJABAT
GRED N1, N4, PEMBANTU KAMERA/PEMANDU GRED N3, N12 DAN
PENYELIA JETI GRED N3, N12 KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU
OPERASI GRED N11, N14 MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penggabungan skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat Gred N1, N4, Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3, N12 dan Penyelia Jeti Gred N3, N12 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Operasi Gred N11, N14 berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pembantu Operasi Gred N11** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada (30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM atas Gred N11 mulai pada tarikh yang sama; atau
